

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

PERNIAGAAN

PROJEK

Kertas 3

3766/3

-
-
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas projek.*
 2. *Calon wajib melaksanakan tugas projek tersebut secara individu.*
 3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
 4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM 2022 dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.*
 5. *Calon dikehendaki melengkapkan Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
 6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas projek dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas projek ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

TERHAD

TUGASAN PROJEK

- 1 Anda dikehendaki menyediakan satu rancangan perniagaan perkongsian yang lengkap. Perniagaan yang dijalankan adalah penghasilan produk makanan atau minuman kesihatan berasaskan buah-buahan tempatan yang diinovasikan bersama makanan berkhasiat seperti contoh berikut:



- 2 Perniagaan ini mestilah mengikut prosedur pendaftaran dan pelesenan perniagaan pihak berkuasa tempatan.
- 3 Modal perniagaan adalah antara RM80 000 hingga RM200 000.
- 4 Surat Ikatan Perkongsian perlu lengkap dan dilampirkan bersama Rancangan Perniagaan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

5 Tenaga pekerja

- 5.1 Bilangan rakan kongsi adalah seramai tiga orang. Dua rakan kongsi merupakan rakan kongsi aktif.
- 5.2 Pekerja terdiri daripada penduduk tempatan (warganegara Malaysia).
- 5.3 Bilangan pekerja operasi bergantung kepada kesesuaian operasi perniagaan.
- 5.4 Bayaran gaji minimum sebulan adalah seperti berikut:

Pekerja	Gaji Minimum (RM)
Pengurusan	2 500
Staf Sokongan / Staf Operasi	1 200

- 5.5 Majikan wajib membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk pekerja tetap.
- 5.6 Carta organisasi perniagaan yang sesuai perlu dihasilkan.

6 Utiliti perniagaan

- 6.1 Anda dan pekerja operasi perlu mengikuti Kursus Pengendalian Makanan dan mendapat suntikan Typhoid.
- 6.2 Minimum sewaan premis perniagaan anda ialah RM3 000 sebulan.
- 6.3 Kos pengubahsuaian premis sekurang-kurangnya RM10 000.
- 6.4 Pembelian peralatan bergantung kepada jenis produk yang dihasilkan.
- 6.5 Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan atas harga kos pada kadar 10 % setahun.
- 6.6 Perniagaan anda perlu membeli sebuah kenderaan.
 - 6.6.1 Pembelian adalah secara sewa beli untuk tempoh lima hingga sembilan tahun.
 - 6.6.2 Kadar faedah sewa beli 4.25 % setahun.
 - 6.6.3 Wang pendahuluan kenderaan sebanyak 10 % daripada harga kenderaan.
- 6.7 Pemandu dikehendaki mengambil lesen kenderaan barang (Lesen GDL).
- 6.8 Produk kesihatan yang dihasilkan mestilah mempunyai cap dagangan dan didaftarkan dengan MyIPO.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

7 Berikut merupakan sumber pembiayaan yang ditawarkan.

Agensi	Syarat Kelayakan	Amaun Pembayaran	Tempoh
Tekun Nasional	Skim Pembiayaan Sederhana (SPS) <ul style="list-style-type: none"> Syarikat 100% hak milik bumiputera dan warganegara. Perlu mempunyai modal sumbangan tunai sendiri minima 20% daripada pembiayaan. Perlu mendapat surat kebenaran rakan kongsi yang membenarkan pemohon membuat pembiayaan. 	RM50 000 hingga RM100 000	10 tahun
Bank Simpanan Nasional (BSN)	Pembiayaan TemaNiaga / Agrofood Facility (AF) <ul style="list-style-type: none"> Milikan Tunggal / Perkongsian / Syarikat Sendirian Berhad. Dimiliki oleh warganegara Malaysia. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Badan Profesional berkaitan. 	TemaNiaga RM1 000 hingga RM50 000 Agrofood Facility (AF) Sehingga RM250 000	1 hingga 5 tahun sehingga 7 tahun
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Skim Pembiayaan Perniagaan Mudah Jaya (SPiM) <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai pendaftaran yang sah (SSM). Mempunyai Lesen / Permit / Surat Kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sumbangan modal sendiri tidak kurang 10% daripada kos projek. 	Sehingga RM250 000	1 hingga 10 tahun
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)	Pembiayaan Mikro-i ME2 <ul style="list-style-type: none"> Terbuka kepada pengusaha atau peniaga kecil yang menjalankan mikro enterpris secara langsung dan sepenuh masa. Mempunyai akaun simpanan di Bank Rakyat. Milikan Tunggal / Perkongsian / Syarikat Sendirian Berhad. 	Sehingga RM50 000	3 bulan hingga 5 tahun

[Lihat halaman sebelah

- 8 Program latihan perniagaan
 - 8.1 Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan para belia menyertai bidang perniagaan dan keusahawanan.
 - 8.2 Program Latihan Pembangunan Usahawan
 - 8.2.1 Program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp. Malaysia.
 - 8.2.2 Kursus Pembangunan Usahawan dan Latihan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).
 - 8.2.3 Program Latihan Keusahawanan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA).
- 9 Rancangan Perniagaan yang dikemukakan hendaklah mempunyai format berikut:
 - 9.1 Ringkasan Eksekutif
 - 9.2 Pengenalan
 - 9.3 Latar Belakang
 - 9.3.1 Perniagaan
 - 9.3.2 Rakan Kongsi
 - 9.4 Rancangan Pentadbiran / Organisasi
 - 9.5 Rancangan Operasi
 - 9.6 Rancangan Pemasaran
 - 9.7 Rancangan Kewangan
 - 9.8 Penutup
 - 9.9 Lampiran (dokumen sokongan)
- 10 Anda mestilah mempersempahkan konsep, kreativiti dan idea produk dalam bentuk pembentangan projek atau interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.
- 11 Idea perniagaan yang dipersembahkan mestilah menjurus kepada penjenamaan produk Malaysia. Anda digalakkan untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.
- 12 Penyediaan Rancangan Perniagaan ini hendaklah dibuat dengan menggunakan perisian yang sesuai dan dicetak dengan mematuhi perkara berikut:
 - 12.1 Fon : Arial / Times New Roman
 - 12.2 Saiz fon : 11 pt. / 12 pt.
 - 12.3 Saiz fon bagi tajuk besar atau kecil bergantung kepada kesesuaian
 - 12.4 Saiz kertas : A4
- 13 **Rancangan Perniagaan yang lengkap bersama draf** mesti dikemukakan oleh calon secara individu sebagai **evidens proses kerja**.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

- 14 Setiap elemen akan dikurangkan satu gred sekiranya Rancangan Perniagaan tidak disertakan dengan draf.
- 15 Semua bentuk lakaran, lukisan, gambar rajah atau tulisan mestilah jelas.
- 16 Penggunaan kertas warna dibenarkan.
- 17 Gambar atau ilustrasi tambahan hendaklah dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercincir.
- 18 Calon diperuntukkan 12 minggu untuk menyiapkan tugas projek. Contoh Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek adalah seperti di **Lampiran 1** (Halaman 7).
- 19 Calon dikehendaki menandatangani borang Perakuan Calon tentang ketulenan hasil tugas projek di **Lampiran 2** (Halaman 8).
- 20 Calon juga perlu menyertakan Senarai Semak dan Penilaian Guru di dalam tugas projek seperti di **Lampiran 3** (Halaman 9).

TUGASAN TAMAT

Lampiran 1**Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek**

PROSES TUGASAN	TEMPOH PELAKSANAAN											
	MINGGU											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Taklimat Tugasan oleh Guru												
Penyerahan Tajuk												
Pengenalan : Tajuk Rancangan Perniagaan												
Latar Belakang Perniagaan												
Latar Belakang Rakan Kongsi												
Rancangan Pentadbiran / Organisasi												
Rancangan Operasi												
Rancangan Pemasaran												
Rancangan Kewangan												
Ringkasan Eksekutif												
Penutup dan Isi Kandungan												
Pembentangan												
Penyerahan Rancangan Perniagaan yang lengkap												
Penilaian Akhir												
Kemasukan markah secara dalam talian ke LP	Sebelum 31 Disember											

Lampiran 2



**Perakuan Calon
Ketulenan Hasil Tugasan Projek Kertas 3766/3
Sijil Pelajaran Malaysia
Tahun 2022**

Saya mengakui bahawa hasil tugasan projek yang dikemukakan untuk memenuhi syarat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2022 bagi mata pelajaran Perniagaan 3766/3 adalah tulen.

Nama Sekolah : _____

Nama Calon : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Angka Giliran : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Borang perakuan ini mestilah disertakan di bahagian hadapan tugas projek.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

**Senarai Semak dan Penilaian Guru**

Angka Giliran :.....

No. Kad Pengenalan :.....

Bil.	Aktiviti dalam penghasilan tugas projek (Diisi oleh Calon)	Semakan 1		Semakan 2		Semakan 3	
		Gred	Tandatangan Guru / Tarikh	Gred	Tandatangan Guru / Tarikh	Gred	Tandatangan Guru / Tarikh